

102970

**Sastri Yunizarti Bakry & Media Sandra Kasih (editor). Menelusuri
jejak Metayu-Minangkabau. Padang: Yayasan Citra Budaya
Indonesia, 2002**

PEPATAH-PETITIH SEBAGAI CERMINAN MINDA MELAYU MINANG

Zulkifley bin Hamid

1. Pendahuluan

Bangsa Melayu merupakan rumpun bangsa yang besar yang mendiami kawasan geografi yang sungguh luas, iaitu dari kepulauan Hawali hingga ke kepulauan Madagaskar. Bangsa besar ini menuturkan pelbagai variasi bahasa Melayu, sebahagian daripada variasi ini sudah mengalami proses pembakuan dan sebahagian lagi masih bersifat dialek, sama ada dialek ruang atau sosial.

Walaupun rumpun Melayu tersebar dalam kawasan geografi yang sungguh luas, namun kita masih dapat mencari pelbagai ciri kesepunyaan yang dikongsi bersama oleh rumpun bangsa ini, baik dalam bentuk jati diri, pandangan dunia, sistem nilai, budaya, adat, dan sebagainya. Atas dasar kesepunyaan inilah rumpun Melayu boleh bertemu dalam mana-mana persidangan atau seminar untuk berbincang topik yang sama, baik menelusuri budaya dan bahasa Melayu, berdiskusi tentang sistem nilai dan adat Melayu atau apa sahaja yang menjadi milik bersama rumpun Melayu.

Antara pelbagai aspek kesepunyaan ini, bahasa dan budaya menjadi aspek yang sering dibincangkan dalam pertemuan akademik, sama ada bersifat setempat atau antarbangsa. Bahasa sering menjadi fokus perbincangan kerana bahasa boleh mencerminkan pelbagai perkara tentang sesuatu bangsa. Atas kesedaran inilah, kita seringkali mendengar ungkapan 'bahasa jiwa bangsa', 'Rosak bahasa rosaklah bangsa', 'Bahasa pembina tamaddun', dan sebagainya. Dalam kertas kerja ini, saya akan menelusuri bahasa Melayu untuk cuba memahami minda Melayu, khususnya minda Melayu Minang.

2. Bahasa sebagai Cerminan Minda

Bahasa merupakan alat pengungkap segala yang tertanggap dan tercerna oleh minda. Pengalaman, pemikiran, pandangan, kritikan, dan segala hasil daripada proses kognitif, kita kemukakan atau huraikan meng-

gunakan bahasa. Bahasalah yang membolehkan kita berhubung antara satu sama lain, dan seterusnya memungkinkan struktur sesebuah masyarakat tertegak. Tanpa bahasa, undang-undang, peraturan, tata-susila, kepandaian, maklumat, dan sebagainya tidak dapat diungkapkan dan disampaikan kepada khalayak. Dengan kata lain, proses komunikasi tidak akan wujud tanpa bahasa. Atas kesedaran inilah, Syed Muhammad Naguib (1990: 39) mengatakan, "Dapat juga direnungkan bahwa sebenarnya nahu suatu bahasa itu merupakan ontologi sesuatu kebudayaan, dan perkataannya sebagai mencorakkan konsep-konsep yang membina ontologi itu". Dapatlah kita andaikan bahwa tanpa bahasa, masyarakat akan terungkal, dan apabila kita meneliti bahasa, sebenarnya kita meneliti sesebuah masyarakat.

Minda atau akal budi seseorang atau suatu bangsa tidak mudah untuk difahami. Minda atau akal budi amat abstrak sifatnya, dan ia hanya dapat diteliti melalui sesuatu perantara. Perantara yang paling berkesan ialah bahasa. Ini disebabkan bahasa dapat menyerlahkan pelbagai aspek tentang akal budi seseorang atau suatu bangsa. Secara jelas, Wilkinson dan Winstedt (dlm. Azhar 1993:11) mengemukakan pendapat mereka tentang peranan bahasa penyerlah akal budi suatu bangsa. Menurut mereka:

"Sebenarnya tidak mungkin bagi sesiapa pun untuk cuba memerik akal budi orang Inggeris tanpa mengkaji sasteranya, atau mengkaji akal budi orang Scotland tanpa mengkaji Burns dan seterusnya tidak seorang pun dapat meramal ruang lingkup akal budi orang Melayu tanpa mengetahui pantunnya."

Pandangan Wilkinson dan Winstedt memperlihatkan kepada kita bahawa hasilan atau output bahasa amat berguna dalam menjelaskan akal budi atau minda seseorang atau sesuatu bangsa. Hasilan ini dapat mencerminkan corak dan gaya hidup serta pemikiran masyarakat yang menggunakan bahasa tersebut. Unsur-unsur yang terkandung dalam sesuatu bahasa mampu menyerlahkan akal budi sesuatu bangsa.

Pandangan tentang hubungan di antara minda dan bahasa pada asalnya dipopulerkan menerusi hipotesis Safir-Whorf. Hipotesis ini mengatakan bahawa bahasa merupakan landasan atau kerangka bagi aktiviti berfikir. Menurut Safir (dalam Mangantar 1987: 244), "Tiap-tiap bahasa sesuatu masyarakat telah mendirikan satu dunia tersendiri untuk penutur bahasa itu. Sebanyak bahasa masyarakat dunia, sebanyak itulah

dunia dibentuk oleh bahasa-bahasa itu untuk penutur-penuturnya.". dengan kata lain, bahasa menentukan corak pemikiran dan kehidupan seseorang atau sesuatu bangsa. Cara orang Melayu berfikir dan bertindak dikatakan dipengaruhi oleh bahasa Melayu, begitu jugalah dengan bahasa dan bangsa lain.

Walau bagaimanapun pandangan yang dikemukakan dalam Hipotesis Safir-Whorf merupakan pandangan yang agak ekstrim atau keras. Oleh demikian, kebanyakan sarjana cenderung untuk menerima versi yang lebih lunak daripada hipotesis ini. Versi yang lebih lunak itu tidak mengatakan bahawa bahasa menentukan corak pemikiran sesuatu bangsa, ia setakat mengandaikan bahawa bahasa mencerminkan corak pemikiran dan tata kehidupan penuturnya.

Pandangan yang dikemukakan dalam Hipotesis Safir-Whorf ini akan menjadi landasan perbincangan dalam kertas kerja ini. Dengan kata lain, kita akan melihat bagaimana bahasa Melayu dapat mencerminkan corak pemikiran masyarakat Melayu, khususnya dalam kertas kerja ini ialah masyarakat Melayu Minang. Kita akan menumpukan kepada satu aspek bahasa Melayu, iaitu pepatah-petitih atau juga sering dilabelkan sebagai perbilangan yang mengungkapkan pelbagai peraturan dan falsafah kehidupan masyarakat Melayu, khususnya masyarakat Melayu Minangkabau.

3. Pepatah-petitih Cerminan Minda Masyarakat Melayu Minang

Apabila kita berbicara tentang masyarakat Minang, tidak kira di mana mereka tinggal, baik di Padang, di Johol, atau di Rembau, kita tidak dapat lari daripada berbicara tentang pepatah-petitih Minang. Ini disebabkan pepatah-petitih mengandungi kanun kehidupan masyarakat Minang. Dengan kata lain, adat perpatih yang menjadi pencorak norma kehidupan orang Melayu Minang sebahagian besarnya diungkapkan dalam bahasa yang indah dalam bentuk pepatah-petitih Minang. Dapatlah kita katakan bahawa untuk memahami adat perpatih atau norma pemikiran dan kehidupan masyarakat Melayu Minang, kita boleh mengkajinya menerusi satu entiti bahasa, iaitu pepatah-petitihnya. Tentang hakikat ini, Hamilton (1987: vi) berkata:

"Dalam sebuah masyarakat yang budaya tulisannya datang kemudian dan hanya menjadi milik golongan istimewa sahaja, undang-undang adat bagi kawasan itu dan pengumpulan ajaran moral bersama-sama pelbagai lakuan tunjuk ajar untuk kehidup-

an harian, yang didasarkan pada pengamatan yang tajam terhadap fenomena alamiah, diwariskan kepada generasi kemudian dalam bentuk pepatah yang masih kerap digunakan.

Pandangan Hamilton dalam petikan di atas mengandaikan bahawa pepatah merupakan pustaka ilmu bagi masyarakat Melayu Minang. Warisan pemikiran dan peraturan kehidupan dapat disampaikan daripada satu generasi ke satu generasi dengan cara memaktubkannya ke dalam pepatah-petitih yang kemudiannya dihafal untuk dijadikan warisan atau pusaka bangsa. Dengan kata lain, konsep hidup berasaskan budi dan mufakat disampaikan daripada satu generasi ke satu generasi penerusi entiti bahasa yang dikenali sebagai pepatah. Kamus Dewan (1989) mentakrifkan pepatah sebagai, "sejenis peribahasa yang mengandungi nasihat, ajaran orang tua-tua, bidalan, dan kata adat". Kata perbilangan juga dapat kita kategorikan sebagai sebahagian daripada pepatah-petitih.

Seterusnya dalam bahagian-bahagian berikut, saya akan perlihatkan di mana contoh-contoh kebijaksanaan, pemikiran dan norma kehidupan diungkapkan dalam pelbagai pepatah. Kita akan melihat aspek-aspek ini dalam beberapa topik yang tertentu, dan kita akan bermula dengan melihat bagaimana pepatah-petitih mengungkapkan pelbagai aspek tentang adat. Seterusnya, kita akan melihat bagaimana minda atau akal budi masyarakat Melayu Minang menanggapi aspek-aspek yang berkaitan dengan adat.

3.1. Gambaran Minda Melayu Minang tentang Adat

Jika kita meneliti pepatah atau kata perbilangan masyarakat Melayu Minang kita akan sampai kepada satu kesimpulan yang pasti, iaitu orang Minang amat mementingkan adat. Bahkan, keseluruhan struktur masyarakat Melayu Minang dibendung oleh adat, sama ada adat dalam perkahwinan, pemerintahan, ekonomi, dan sebagainya. Kalau kita meneliti pepatah-petitih Minang jelas sekali kepada kita bahawa minda atau akal budi masyarakat Minang kaya dengan pelbagai pepatah yang menghormati adat. Sebagai contoh kita akan meneliti beberapa pepatah yang amat menghargai nilai yang terkandung dalam adat. Antara lain, pepatah Minang ada mengatakan:

Hidup dikandung adat
Mati dikandung tanah

Biar mati anak
Jangan mati adat

Adat tak lekang oleh panas
Tak lapuk oleh hujan

Adat dipakai baru
Kain dipakai usang
Adat sentosa di dalam negeri.

Pepatah di atas jelas memperlihatkan betapa kuatnya masyarakat Melayu Minang berpegang kepada adat, yaitu adat perpatih yang menjadi ikutan masyarakat Minang, sama ada di Negeri Sembilan atau Padang atau di mana sahaja mereka tinggal. Bagi masyarakat Melayu Minang, selagi nyawa dikandung badan, selagi itu adat dijunjung (*Hidup dikandung adat*).

Manusia akan menjadi tua dan uzur, barang akan menjadi usang dan buruk, tetapi tidak dengan adat. Adat senantiasa akan segar dan dipatuhi dan dipupuk oleh setiap anggota masyarakat Minang dari satu generasi ke satu generasi (*adat dipakai baru, kain dipakai usang*). Dengan kata lain, bagi masyarakat Melayu Minang, adat menjadi sendi kepada kehidupan bermasyarakat, iaitu kuasa yang mengikat struktur masyarakat agar tidak terungki dan musnah.

Bagi masyarakat Melayu Minang, adat merupakan peraturan atau hukum yang diutamakan, dan dia lebih utama daripada diri dan keluarga (*biar mati anak, jangan mati adat*). Kalau kita menganalisis sistem adat perpatih, kita akan menemui fenomena yang menunjukkan betapa kuatnya pengaruh adat terhadap kehidupan masyarakat Melayu Minang, sehinggakan dalam beberapa aspek hukum adat mendahului hukum agama. Sebagai contoh, dalam peraturan perkahwinan, terdapat hukum adat yang harus dipatuhi walaupun ia tidak sejajar dengan hukum agama. Hukum Islam tidak pernah melarang perkahwinan sesuku, tetapi adat perpatih menganggap perkahwinan sesuku sebagai suatu lakuan yang amat jelik. Menurut Nordin Selat (1975: 125), seorang pakar dalam sistem sosial adat perpatih:

"Kahwin sesuku merupakan kesalahan "besar" dan dinamakan "sumbang". Ada dua jenis sumbang. Pertama adalah sumbang

sewaris – berkahwin sesuku tapi lain perut. Hukuman sumbang sewaris ialah rampasan harta pusaka. Undang boleh menjatuhkan denda 50 gantang beras, kerbau seekor, dan wang \$ 14."

Jelas sekali bahawa adat perkahwinan ini tidak sejajar dengan undang-undang Islam yang menjadi anutan masyarakat Melayu Minang. Keadaan yang sama berlaku dalam sistem pembahagian harta pusaka. Bagi masyarakat Melayu Minang, hukum adat lebih didahulukan daripada sistem faraid Islam. Dalam masyarakat Minang, harta pusaka akan diwarisi oleh anak perempuan. Ini jelas dalam peraturan adat:

Terbit pusaka kepada saka
Si laki-laki menyandang pusaka
Si perempuan menyandang pusaka
Orang semenda yang membela

Jelas daripada perbilangan dan pepatah-petitih Melayu Minang bahawa hukum adat mendahului hukum-hukum yang lain. Dengan kata lain, bagi masyarakat Melayu Minang, konsep "*biar mati anak, jangan mati adat*" harus dipertahankan walaupun hukum adat itu mungkin tidak sejajar dengan hukum agama. Kenyataan ini tidak bermaksud untuk mengatakan bahawa orang Negeri Sembilan/Minang tidak kuat beragama, tetapi hanya mengungkapkan beberapa perbezaan. Tentang hal ini, Nordin Selat (1975: 1) berkata:

"Sesuatu masyarakat haruslah dikaji dalam konteks masyarakat itu sendiri. Masyarakat bertindak berdasarkan kehendak-kehendak dan keperluan-keperluan mereka sendiri. Kekeliruan orang luar terhadap adat perpatih berpuncak dari kejahilan sistem nilai adat ini. Fahaman ini tidak salah, hanya merupakan fahaman dari kacamata orang yang mempunyai sistem nilai berlainan."

Pandangan oleh Nordin Selat ini jelas membayangkan kepada kita bahawa apa yang dipegang oleh sebuah masyarakat adalah berdasarkan kepada kepentingan semasa masyarakat tersebut. Pemikiran atau akal budi mungkin berubah apabila keadaan berubah. Dapatlah kita rumuskan bahawa pemikiran orang Melayu Minang diwarnai dengan

pelbagai peraturan adat. Peraturan adat inilah yang banyak mempengaruhi norma pemikiran dan kehidupan masyarakat Melayu Minang.

3.2. Gambaran Minda Melayu Minang tentang Perekonomian

Orang Melayu Minang, khususnya yang tinggal di Negeri Sembilan, mahukan seluruh anggota masyarakatnya berlumba-lumba mencari harta kekayaan. Dalam pemikiran atau minda Melayu Minang, harta kekayaan dipersepsikan sebagai amat penting dan diutamakan. Kekayaan adalah tunggak kepada kewujudan sesuatu masyarakat atau bangsa. Kemiskinan akan memangkin kejatuhan sesuatu bangsa. Pemikiran ini jelas dihayati dalam pepatah berikut:

Hilang rupa dek penyakit
hilang bangsa dek tak beremas
emas pedinding malu
kain pedinding miang.

Dengan harta kekayaan pelbagai perkara dapat dilakukan. Orang yang miskin akan dipandang hina, walaupun dia menjalani kehidupan yang lurus dan benar. Sebaliknya, jika sekiranya seseorang itu memiliki harta kekayaan, ia akan tetap dipandang mulia, walaupun telah melakukan suatu kesalahan yang memalukan (*emas pedinding malu*). Dengan kata lain, menurut minda masyarakat Melayu Minang, seperti tergambar dalam pepatah, kedudukan sosial seseorang dalam masyarakat biasanya sejajar dengan kedudukan ekonominya.

Menurut pemikiran masyarakat Melayu Minang, keseluruhan struktur masyarakat akan menjadi goyah jika mereka menghadapi masalah ekonomi yang teruk. Keamanan bermula dari kesenangan dan kesejahteraan hidup. Orang miskin tidak akan dapat hidup tenteram. Falsafah hidup ini terungkap dalam pepatah berikut:

Majlis di tepi air
Merdesa di perut kenyang.

Merdesa artinya berbaik-baik atau bertatasusila, dan keadaan ini hanya dapat dicapai apabila tuntutan fizikal telah terpenuhi. Oleh demikian, pepatah Minang dengan jelas mengharapkan anggota masyarakatnya bekerja keras tanpa mengira penat dan perit untuk mencari kekayaan

atau kesenangan hidup. Kebanyakan orang Minang sudah biasa dengan pantun berikut:

Kayu hutan bukan andalas
Elok dibuat ke lemari
Tahan hujan berani berpanas
Begitu orang mencari rezeki.

Jika harta kekayaan sukar diperolehi di tempat sendiri, falsafah hidup Minang menggalakkan anggota masyarakat untuk berhijrah ke tempat lain. Dengan kata lain, harta kekayaan harus dicari walaupun terpaksa meninggalkan kampung halaman dan sanak saudara. Demikianlah pemikiran masyarakat Melayu Minang seperti yang terungkap dalam pantun berikut:

Ke rantau matang ke hulu
Berbunga berbuah belum
Merantau bujang dahulu
Di kampung berguna belum.

Pendapat yang mengatakan orang Melayu malas bekerja merupakan suatu tuduhan yang agak melulu. Pandangan yang dikemukakan dalam bahagian di atas jelas membayangkan bahawa masyarakat Melayu, khususnya masyarakat Melayu Minang memberi nilai yang amat tinggi kepada kerajinan, ia merupakan satu sifat yang dianggap terpuji. Orang Melayu Minang menganggap kekayaan dan kesenangan tidak akan datang bergolek tetapi harus diusahakan dengan gigih tanpa mengira penat dan perit (*tahan hujan berani berpanas*).

3.3. Gambaran Minda Melayu Minang tentang Sahsiah

Pelbagai sifat yang mulia diungkapkan dalam pepatah-petitih. Manusia yang sempurna itu memiliki beberapa kualiti atau sifat yang positif, iaitu sifat atau kualiti diri yang akan memberi manfaat kepada diri dan masyarakat. Seseorang yang paling ideal adalah seseorang memiliki tiga kualiti serentak, iaitu beragama, berada, dan berilmu pengetahuan. Tiga kualiti diri yang membina konsep kesempurnaan ini diungkapkan:

Tungku tiga sejerangan
Tali berpilin tiga.

Hidup seseorang hanya dianggap sempurna apabila seseorang itu dapat memiliki ketiga-tiga kualiti di atas. Sekiranya sukar untuk kita mencari individu-individu yang memiliki ketiga-tiga sifat positif tersebut serentak, maka kita harus membina tiga kelompok ini secara berasingan dalam masyarakat. Tiga kelompok ini, iaitu golongan agama, hartawan dan yang berpengetahuan harus dibentuk dalam mana-mana masyarakat, dan ketiga-tiga golongan ini harus bekerjasama membina dan menjaga kesejahteraan masyarakat. Tiga golongan ini sering dilabelkan sebagai golongan ulama, golongan adat dan golongan cendekiawan.

Apabila tiga golongan atau individu-individu yang mempunyai ketiga-tiga sifat ini (*tungku tiga sejerangan*) saling bekerjasama membina dan menjaga keutuhan masyarakat, kejayaan demi kejayaan akan dikecapi oleh masyarakat. Tiga golongan atau tiga kualiti ini akan mengikat struktur masyarakat dengan kukuh dan masyarakat akan menjadi stabil kerana dibina di atas asas yang kuat (*seperti tali berpilin tiga*).

Seseorang yang malas atau suka menanggguh-nangguhkan pekerjaan dipersepsikan sebagai memiliki sifat yang tercela. Setiap tugas yang diberi atau perlu dilakukan harus disegerakan atau dilakukan menurut masa yang telah ditetapkan. Inilah yang dimaksudkan dengan:

Yang beresok bukan kini
Yang kini bukan kemarin

Setiap masa dan ketika harus dihabiskan melakukan pekerjaan yang berfaedah. Dengan kata lain, seseorang yang berpekeri baik tidak akan membuang masa. Inilah yang dimaksudkan pepatah:

Duduk meraut ranjau
Tegak meninjau arah.

Seseorang yang mempunyai suatu kepakaran harus memanfaatkan kepakaran tersebut sepenuhnya untuk kebaikan dirinya. Di samping itu, ia juga harus memanfaatkan kepakaran yang dimiliki untuk membantu anggota masyarakat yang lain. Orang yang kedekut, sama ada kedekut ilmu, kemahiran atau kepakaran tidak dipandang mulia. Orang mulia adalah orang yang menabur budi. Inilah yang dimaksud dengan pepatah:

Mengheret membentang
Menunjuk mengajari
Menegur menyapa.

Pelbagai sifat mulia diungkapkan dalam pelbagai pepatah lain. Ungkapan-ungkapan ini menjadi panduan kepada anggota masyarakat untuk membina sahsiah dan personaliti diri. Individu yang cemerlang akan menjadi asas kepada pembinaan masyarakat yang cemerlang kerana masyarakat yang kukuh terbina daripada individu-individu yang memiliki pelbagai sifat atau kualiti yang positif.

4. Rumusan

Pandangan yang telah saya kemukakan dalam kertas kerja ini jelas memperlihatkan kepada kita bahawa kita dapat menelusuri atau menyelami bentuk pemikiran atau minda sesebuah masyarakat atau bangsa dengan menganalisis bahasa mereka. Ini disebabkan bahasa merupakan alat untuk pemrosesan maklumat yang berlaku dalam kognitif atau ingatan seseorang. Atas sebab itulah Jernudd (2000: 10) merumuskan bahawa, "Masalah-masalah kebahasaan boleh dianggap sebagai masalah-masalah kognitif".

Saya telah memperlihatkan secara sepintas lalu bentuk pemikiran masyarakat Melayu Minang, sebagaimana yang tergambar dalam pepatah-petitih atau perbilangan masyarakat Melayu Minang yang terdapat di Negeri Sembilan dan sebahagian daripada Melaka. Sungguhpun begitu, saya mengandaikan bahawa pandangan-pandangan saya boleh juga dianggap sebagai menggambarkan minda atau akal budi Melayu Minang secara umum. Ini disebabkan sebahagian besar masyarakat Melayu Minang yang berada di Negeri Sembilan berasal daripada Minangkabau. Yamtuan atau Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan yang ada sekarang berasal daripada keturunan Yamtuan Radin yang berasal daripada Minangkabau (Nordin Selat, 1975: 58).

DAFTAR PUSTAKA

- Azhar M. Simin. 1993. *Sintaksis Wacana "yang" dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nordin Selat. 1975. *Sistem Sosial dan Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Hamilton, A.W. 1987. *Malay Proverbs*. Kuala Lumpur: Times Books International.
- Jernudd, B. 2000. Cognition and Language Management. Kertas Kerja *Persidangan Antara Bangsa Bahasa dan Kognisi*, Universiti malaya Malaysia, 14 – 16 Julai 2000.
- Kamus Dewan* (Edisi Baru). 1989. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mangantar Simanjuntak. 1987. *Pengantar Psikolinguistik Moden*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Syed Muhammad Naquib. 1990. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia.